

Headline	Taman rekreasi atas loji kumbahan		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	09 Jul 2023	Color	Full Color
Section	Perspektif	Circulation	56,027
Page No	31,32	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	1527 cm²
Journalist	Saadiah Ismail	AdValue	RM 50,563
Frequency	Daily	PR Value	RM 151,689



Taman rekreasi atas loji kumbahan

Berubah wajah, dari kawasan busuk, kini dilengkapi IWK Eco Park @Pantai Dalam seluas 12 hektar

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Suatu ketika dulu, malah sejak bertahun-tahun lalu ketika memandu di Lebuhraya Pantai Baharu (NPE), pengguna jalan raya dihidangkan pemandangan loji kumbahan Pantai Dalam sedang melakukan 'tugasan' merawat sisa kumbahan yang agak luas.

Pada masa sama, pengguna jalan raya tidak dapat mengelak terpaksa menghirup aroma busuk yang meloyakan dari tapak loji kumbahan

itu, meskipun cermin tingkap kereta bertutup rapat.

Apatah lagi, bagi beribu-ribu penduduk di sekitar kawasan perumahan di situ, hazab menanggung bau busuk dan lama-kelamaan sudah 'lali' apabila setiap hari itu yang dihadapinya terutama bau bertambah kuat menuku hidung ketika musim hujan.

Kewujudan loji rawatan air kumbahan yang menyebabkan pencemaran bau itu ternyata menimbulkan rasa kurang menyenangkan.

Walaupun tujuan loji rawatan air kumbahan itu untuk memproses air kumbahan daripada penduduk dan menghasilkan air bersih untuk alam sekitar, namun rungutan tetap ada.

Ini memandangkan loji kumbahan yang berkonsep terbuka ini mewujudkan impak persekitaran berpanjangan kepada komuniti khususnya seperti tekanan, kesihatan, psikologi, fisiologi penduduk dan kejatuhan nilai ekonomi sesuatu kawasan.

Taman rekreasi di atas loji itu

Namun, semuanya sudah jauh berubah wajah. Tiada lagi bau busuk menusuk hidung, tiada lagi rasa nak muntah, dek bahang haba dari loji rawatan naik ke udara, kini suasana penuh dengan kehijauan deretan pokok hutan yang tenang dan menyamankan.

Rentetan daripada senarai impak yang berupaya



Pengunjung menjalankan aktiviti riadah di IWK Eco Park @ Pantai Dalam.
(Foto Asyraf Hamzah / BH)

Kawasan aliran air yang memberi pencapaian di IWK Eco Park @ Pantai Dalam.

menyebabkan kacau-ganggu paling tinggi, kerajaan mengambil inisiatif dengan membina Loji Rawatan Kumbahan Serantau, Pantai 2 bawah tanah berkonsep teknologi hijau termasuk sebuah taman rekreasi di atas loji itu.

Pembinaan loji yang terletak di Pantai Dalam ini juga adalah mengambil maklum daripada rungutan penduduk setempat yang inginkan suasana persekitaran baik tanpa sebarang gangguan bau yang teruk.

Menurut Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Indah Water Consortium (IWK) Sdn Bhd, Wan Esurianti Wan Ahmad, Loji Rawatan Kumbahan Serantau, Pantai 2 ini adalah loji moden terbesar di rantau Asia Pasifik

yang siap dibina pada 2015 termasuk taman yang dikenali sebagai IWK Eco Park @Pantai Dalam.

Menariknya loji yang turut mempunyai taman awam ini sudah mengubah persepsi buruk penduduk atau pengunjung yang mengunjungi taman ini tidak lagi seperti dulu.

"Dulu loji ini adalah kawasan yang busuk, kotor dan berbahaya, tetapi kini, dengan adanya taman awam ini, penduduk banyak menghabiskan masa beriadah di sini."

"Setiap petang terutama waktu hujung minggu, taman ini akan penuh dengan penduduk setempat dan pengunjung luar yang ingin menggunakan fasiliti di sini."

Lihat muka 32



Headline	Taman rekreasi atas loji kumbahan		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	09 Jul 2023	Color	Full Color
Section	Perspektif	Circulation	56,027
Page No	31,32	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	1527 cm²
Journalist	Saadiah Ismail	AdValue	RM 50,563
Frequency	Daily	PR Value	RM 151,689



Loji rawatan kumbahan moden terbesar di rantau Asia Pasifik

Dari muka 31

"Bau aspek penting yang diambil kira oleh sesiapa saja dan apabila tiada lagi bau itu, mereka terlupa bahawa di bawah taman ini adalah loji yang sedang memproses sisa kumbahan."

"Ditambah dengan pelbagai fasiliti diwujudkan di taman ini, lebih ramai pengunjung berkunjung untuk beriadah sambil mempelajari sedikit sebanyak mengenai proses yang berlaku di dalam loji," katanya.

IWK Eco Park @Pantai Dalam yang dirasmikan oleh Menteri Komuniti dan Digital, Fahmi Fadzil pada 26 Mei lalu, mempunyai keluasan 12 hektar, menawarkan pelbagai kemudahan antaranya dewan komuniti, bilik mesyuarat, tempat berkelah, trek jogging dan berbasikal, serta pelbagai kemudahan sukan.

Manakala loji pula berupaya memproses air kumbahan daripada kira-kira 1.43 juta penduduk setara atau lebih tepat hampir sebahagian besar penduduk di kawasan Kuala Lumpur dan sebahagian daripada Petaling Jaya.

Boleh jadi contoh kepada negara luar
Wan Esuriyanti berkata, pelbagai usaha dilakukan untuk mengubah IWK Eco Park @Pantai Dalam ini menjadi sebuah taman di atas loji kumbahan yang boleh tersenara sebagai contoh kepada negara luar.

Bagaimanapun, usaha itu perlu dilakukan secara berperingkat mengandung pandemik yang berlaku selama dua tahun merencatkan kemajuan dan merosakkan sedikit

sebanyak fasiliti yang terbabit sebelum ini.

"Tetapi kini, boleh dikatakan semua fasiliti boleh digunakan cuma kita akan menambah baik untuk mencecahkan suasana dan membolehkan setiap orang memanfaatkan sudut di taman ini."

"Selain daripada taman rekreasi yang boleh digunakan secara percuma, taman ini turut menyediakan dewan dan gelanggang sukan dengan kadar sewa berpatutan serendah RM10 mengikut tempoh jam."

"Kadar sewa dikenakan adalah bertujuan untuk tujuan kos penyelenggaraan yang memakan kos kira-kira RM50,000 sebulan."

"Taman ini dibuka seawal jam 6 pagi hingga 12 tengah malam kerana kebiasaannya orang awam akan datang beriadah sebaik saja tamat waktu bekerja, malah turut dilengkapi lebih 200 tempat parkir berbunga percuma," katanya yang turut mempunyai beberapa pengawal keselamatan bagi meronda kawasan sekitar.

Bina landskap air terjun buatan

Beliau berkata, selain daripada itu ia juga mendedahkan pengetahuan kepada pengunjung mengenai proses rawatan kumbahan dan sisa yang terhasil sepanjang proses itu.

"Ia diterjemahkan melalui satu landskap air terjun buatan dibina dan bioefluen iaitu sumber air alternatif yang diperoleh hasil daripada proses rawatan di aliran pada air terjun itu," katanya sambil menambah kira-kira 5,679 bioefluen atau bersamaan 30 peratus sumber air mentah negara dikeluarkan

"Setiap hari beratus tan biopeljal dihasilkan dan IWK memanfaatkan untuk memastikan



daripada proses rawatan itu.

Jelasnya lagi, bukan setakat itu saja, melalui proses rawatan itu, olahan sisa kumbahan turut menghasilkan biopeljal di mana sisa yang kering digunakan sebagai bahan organik untuk tumbesaran pokok hutan yang ditanam di sekitar taman itu.

Ditanam 2,000 pokok hutan

Di taman ini, sebanyak 2,000 anak pokok hutan ditanam dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia antaranya pelawan putih dan merawar dari jenis pokok hutan hujan asli serta bunga kenanga.

"Menurut kajian daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), tumbesaran pokok hutan menggunakan biopeljal lebih cepat dan ia tidak sesuai digunakan sebagai bahan untuk tanaman pokok buah-buahan."

"Setiap hari beratus tan biopeljal dihasilkan dan IWK memanfaatkan untuk memastikan

persekitaran taman ini penuh dengan kehijauan.

"Selain itu, produk yang dihasilkan ialah biogas iaitu satu sumber tenaga boleh diperbaharui yang digunakan loji sebagai sumber elektrik," katanya.

Taman 'dihidupkan' pada waktu malam

Menjelaskan mengenai rancangan lanjutnya, taman yang terletak 10 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur ini juga ingin "dihidupkan" pada waktu malam taman dengan menyediakan kawasan 'food truck' bagi memberi peluang kepada penduduk setempat berniaga.

"Kami juga merancang untuk buat 'car boot sale', stesen echarging, 'glampicnic, wayang pacak dan bermacam-macam lagi," katanya.

Ketika ini, selain Loji Rawatan Kumbahan Serantau, Pantai 2 yang mempunyai taman, IWK yang turut menyelenggarai Taman Eco Langat, Kajang juga dibina berkonsepkan taman, tetapi ia dibina di atas bangunan dan masih belum dibuka kepada orang awam.

info

IWK LRK Pantai 2 dan IWK Eco Park , Pantai Dalam

- LRK dinaiktaraf loji terbesar di rantau Asia Pasifik
- Loji rawatan kumbahan bawah tanah pertama di Malaysia
- Mampu merawat kumbahan bagi 1,42 juta jumlah
- Penduduk setara
- Loji dibina dengan kos RM983 juta
- Dilengkapi teknologi hijau (penggunaan janakuasa biogas dan papan solar bagi menghasilkan



tenaga elektrik)

- Dilengkapi penggunaan semula air bioefluen dan peralatan penjimat tenaga
- Disediakan kawasan rekreasi setempat, iaitu IWK Eco Park @ Pantai Dalam

• IWK Eco Park seluas 12 hektar

- Taman rekreasi dan dewan komuniti
- Juga terdapat gelanggang badminton, futsal dan trek jogging